

STATEMENTS ACCESSED VIA CIMB CLICKS TERMS AND CONDITIONS (APPLICABLE IF STATEMENT ARE RETRIEVED VIA THE “CIMB CLICKS” WEBSITE)

Version: 24 August 2024

1. These terms and conditions (“**these Terms**”) shall govern the accessing of statements of accounts electronically via CIMB Clicks Internet Banking (“**Statements via CIMB Clicks Internet Banking**”) by persons or entities (“**you**”) for such accounts, products or services subscribed by you and where you have effected a first time registration with CIMB Clicks (collectively “**the Accounts**” and each an “**Account**”).
2. By subscribing or selecting to access Statements via CIMB Clicks Internet Banking, you agree to be bound by these Terms.
3. CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] or CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)], as the case may be, (“**Bank**”) will, subject to these Terms, upload and make available your relevant statements for your Accounts onto CIMB Clicks Internet Banking once a month or at such intervals as the Bank may deem fit and you further agree that the date, in Malaysia, on which such statements are uploaded by the Bank and made available for viewing on CIMB Clicks Internet Banking shall be deemed to be the date of your receipt of such statements.
4. You must access your Statements via CIMB Clicks Internet Banking on a regular basis to ensure that you are aware of your payment obligation to the Bank, and where applicable, are paid promptly before the due date to minimize finance charges or late payment charges. The Bank will not send you any reminders to settle your outstanding amounts before the relevant due date. You must also review the transactions recorded in your statements for your Accounts and you shall notify the Bank of any errors, irregularities, discrepancies, claims or unauthorized charges or withdrawals or items in such statements within (i) fourteen (14) calendar days from the date of such statements as indicated therein (“**the Statement Date**”), regardless of the date on which you actually access and view your Statements via CIMB Clicks Internet Banking or, (ii) where such period is expressly provided for in the relevant terms and conditions prescribed by the Bank governing the Accounts (“**Applicable Terms and Conditions**”), within such period expressly specified in the Applicable Terms and Conditions.
5. Your access to the Statements via CIMB Clicks Internet Banking shall be subject to the Terms of Access and CIMB Clicks Internet Banking Agreement as set out in the CIMB Click’s website (“**CIMB Clicks terms and conditions**”) and these Terms shall also be in addition to and are without prejudice to the Applicable Terms and Conditions. However if there is any conflict between:-
 - (a) these Terms; and/or
 - (b) the Applicable Terms and Conditions; and/or
 - (c) the CIMB Clicks terms and conditions in so far as it relates to your access to the Statements via CIMB Clicks Internet Banking only, they shall have the following order of precedence:-
 - (i) these Terms;
 - (ii) the Applicable Terms and Conditions; and
 - (iii) the CIMB Clicks terms and conditions.
6. Statements issued for your Accounts available for access via CIMB Clicks Internet Banking shall also be deemed to be issued under the Applicable Terms and Conditions and all provisions relating to statements issued under the Applicable Terms and Conditions shall apply to the such statements.
7. You agree that the accessing of Statements via CIMB Clicks Internet Banking may be terminated:
 - (a) by the Bank for convenience by giving fourteen (14) calendar days prior notice to you. However, no notice is required to be given where the termination, suspension or restriction of your access to Statements via CIMB Clicks Internet Banking is necessitated by an immediate need to restore or maintain the security of a transaction or your Accounts; or
 - (b) by you, by unsubscribing to this method of access by scanning and emailing to us your instructions at contactus@cimb.com.

The Bank will however only be obliged to act on your instructions upon the Bank's actual receipt thereof.

8. The Bank may delete, add to or in any other way change any of these Terms from time to time by giving you at least twenty-one (21) calendar days prior notice. Such notice may be given to you in the manner set out in the Applicable Terms and Conditions. If you continue to access your Statements via CIMB Clicks Internet Banking after the effective date of the changes, or where no effective date is specified, after a period of seven (7) calendar days upon your actual or deemed receipt of such notice then you shall be deemed to have agreed to such changes.
9. If the Bank is unable to make available for viewing Statements via CIMB Clicks Internet Banking due to causes beyond its control including (but not limited to) equipment, system or transmission link malfunction or failure, fire, flood, explosion, acts of God, acts of terrorism, war (declared or undeclared), accidents, epidemics, strikes, sanctions, lockouts, power blackouts or failure, labour disputes, acts, demands or requirements of the Malaysian Government or by any other causes which it cannot reasonably be expected to avoid, the performance of the Bank's obligations under these Terms shall be suspended for the duration of such events. The Bank shall not be liable for any loss or delay or inconvenience whatsoever and howsoever caused or arising from or in connection with any of the abovementioned disabling events. If your statements for your Accounts cannot be accessed or viewed through Statements via CIMB Clicks Internet Banking, this shall also not absolve you from any of your obligations to pay to the Bank any monies due under the Applicable Terms and Conditions on the relevant due date and you shall be responsible for calling up the Bank to ascertain the amounts due and the relevant due dates to enable you to make payments thereof punctually.
10. For information, enquiries, feedbacks and/or complaints related to Statements via CIMB Clicks Internet Banking, you may contact our Call Centre at:-

Telephone:

- +603 6204 7788 (Local and International) or
- 1 300 885 300 (Local) or 603 2295 6888 (International) (if you are a CIMB Preferred member)

Email:

- contactus@cimb.com

Alternatively for feedbacks and/or complaints, you may choose to contact the Bank's Customer Resolution Unit at: Customer Resolution Unit, P.O. Box 10338 GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan; Call Centre No. +603 6204 7788, email: contactus@cimb.com.

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PENYATA YANG DIAKSES MELALUI CIMB CLICKS
(TERPAKAI JIKA PENYATA DIAMBIL MELALUI LAMAN WEB “CIMB CLICKS”)**

Versi: 24 Ogos 2024

1. Terma-terma dan syarat-syarat ini (“**Terma-Terma ini**”) hendaklah mengawal pengaksesan penyata akaun secara elektronik melalui Perbankan Internet CIMB Clicks (“**Penyata melalui Perbankan Internet CIMB Clicks**”) oleh perseorangan atau entiti (“**anda**”) untuk akaun, produk atau perkhidmatan yang anda langgani dan di mana anda telah melakukan pendaftaran yang pertama dengan CIMB Clicks (secara kolektif “**Akaun-Akaun**” dan setiap satu “**Akaun**”).
2. Dengan melanggan atau memilih untuk mengakses Penyata melalui Perbankan Internet CIMB Clicks, anda bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma ini.
3. CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] atau CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)], sepetimana yang berkenaan, (“**Bank**”) akan, tertakluk kepada Terma-Terma ini, memuat naik dan menyediakan penyata berkenaan anda untuk Akaun-Akaun anda ke Perbankan Internet CIMB Clicks sekali sebulan atau pada selang masa yang dianggap sesuai oleh Bank dan anda selanjutnya bersetuju bahawa tarikh di Malaysia, di mana penyata sedemikian dimuat naik oleh Bank dan disediakan untuk dilihat di Perbankan Internet CIMB Clicks akan dianggap sebagai tarikh penerimaan anda penyata sedemikian.
4. Anda mesti mengakses Penyata anda melalui Perbankan Internet CIMB Clicks secara tetap untuk memastikan anda mengetahui kewajipan pembayaran anda kepada Bank, dan jika berkenaan, dibayar dengan segera sebelum tarikh matang untuk meminimumkan caj kewangan atau caj bayaran lewat. Bank tidak akan menghantar sebarang peringatan kepada anda untuk menjelaskan jumlah tertunggak anda sebelum tarikh matang berkenaan. Anda juga mesti menyemak transaksi yang direkodkan dalam penyata anda untuk Akaun-Akaun anda dan anda akan memaklumkan kepada Bank sebarang kesilapan, penyelewengan, percanggahan, tuntutan atau caj atau pengeluaran atau perkara tidak diberi kuasa dalam penyata sedemikian dalam tempoh (i) empat belas (14) hari kalender dari tarikh penyata sedemikian seperti yang ditunjukkan di dalamnya (“**Tarikh Penyata**”), tanpa mengira tarikh anda sebenarnya mengakses dan melihat Penyata anda melalui Perbankan Internet CIMB Clicks atau, (ii) jika tempoh tersebut telah diperuntukkan secara nyata dalam terma-terma dan syarat-syarat berkenaan yang ditetapkan oleh Bank yang mengawal Akaun-Akaun (“**Terma-Terma dan Syarat-Syarat Terpakai**”), dalam tempoh sedemikian yang ditentukan secara nyata dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Terpakai.
5. Pengaksesan anda ke Penyata melalui Perbankan Internet CIMB Clicks hendaklah tertakluk kepada Terma-Terma Pengaksesan dan Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks seperti yang tertera di laman web CIMB Click (“**terma-terma dan syarat-syarat CIMB Clicks**”) dan Terma-Terma ini juga akan menjadi tambahan kepada dan tidak memprejudisikan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Terpakai. Walau bagaimanapun jika terdapat sebarang konflik antara:-
 - (a) Terma-Terma ini; dan/atau
 - (b) Terma-Terma dan Syarat-Syarat Terpakai; dan/atau
 - (c) terma-terma dan syarat-syarat CIMB Clicks setakat yang ia berkaitan dengan pengaksesan anda kepada Penyata melalui Perbankan Internet CIMB Clicks sahaja, mereka hendaklah mempunyai susunan yang berikut:-
 - (i) Terma-Terma ini;
 - (ii) Terma-Terma dan Syarat-Syarat Terpakai; dan
 - (iii) terma-terma dan syarat-syarat CIMB Clicks.
6. Penyata yang dikeluarkan untuk Akaun-Akaun anda yang disediakan bagi pengaksesan melalui Perbankan Internet CIMB Clicks juga akan dianggap dikeluarkan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Terpakai dan semua peruntukan yang berkaitan dengan penyata yang dikeluarkan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Terpakai hendaklah terpakai pada penyata tersebut.

7. Anda bersetuju bahawa pengaksesan Penyata melalui Perbankan Internet CIMB Clicks boleh ditamatkan:-
 - (a) oleh Bank atas kemudahan dengan memberikan notis terdahulu empat belas hari (14) hari kalender kepada anda. Walau bagaimanapun, tiada notis perlu diberikan jika penamatkan, penggantungan atau sekatan pengaksesan anda kepada Penyata melalui Perbankan Internet CIMB Clicks adalah diperlukan bagi keperluan segera untuk memulihkan atau mengekalkan keselamatan transaksi atau Akaun-Akaun anda; atau
 - (b) oleh anda, menghenti langganan kaedah pengaksesan ini dengan imbas dan e-mel kepada kami arahan anda di contactus@cimb.com.

Walau bagaimanapun, Bank hanya wajib untuk bertindak atas arahan anda selepas penerimaan sebenar Bank terhadapnya.

8. Bank boleh memadam, menambah kepada atau dengan cara lain mengubah mana-mana Terma-Terma ini dari semasa ke semasa dengan memberikan kepada anda notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari. Notis sedemikian boleh diberikan kepada anda mengikut cara yang ditetapkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Terpakai. Jika anda terus mengakses Penyata anda melalui Perbankan Internet CIMB Clicks selepas tarikh berkuat kuasa perubahan, atau jika tiada tarikh berkuat kuasa ditetapkan, selepas tempoh tujuh (7) hari kalender dari penerimaan anda yang sebenar atau yang dianggap bagi notis sedemikian, maka anda akan dianggap bersetuju dengan perubahan tersebut.
9. Jika Bank tidak dapat menyediakan Penyata untuk dilihat melalui Perbankan Internet CIMB Clicks disebabkan oleh sebab-sebab di luar kawalannya termasuk (tetapi tidak terhad kepada) malfungsi atau kegagalan peralatan, sistem atau pautan penghantaran, kebakaran, kebanjiran, letusan, *acts of God*, perbuatan ke ganasan, perperangan (diisyiharkan atau tidak diisyiharkan), kemalangan, wabak, mogok, sekatan, sekat masuk, pemadaman atau kegagalan kuasa, pertikaian buruh, tindakan, tuntutan atau kehendak Kerajaan Malaysia atau sebarang sebab lain yang tidak dapat dijangka semunasabahnya untuk dielakkan, prestasi kewajipan Bank di bawah Terma-Terma ini akan digantung selama tempoh kejadian tersebut. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kelewatan atau kesulitan apa pun dan walau apa pun yang disebabkan atau timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana kejadian yang disebutkan di atas. Jika penyata anda untuk Akaun-Akaun anda tidak boleh diakses atau dilihat melalui Penyata melalui Perbankan Internet CIMB Clicks, ia juga tidak akan membebaskan anda daripada mana-mana kewajipan anda untuk membayar kepada Bank sebarang wang yang kena dibayar di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Terpakai pada tarikh matang berkenaan dan anda akan bertanggungjawab untuk memanggil Bank untuk memastikan jumlah yang kena dibayar dan tarikh matang berkenaan untuk membolehkan anda membuat pembayaran dengan tepat pada masanya.
10. Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Penyata melalui Perbankan Internet CIMB Clicks, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan kami di:-

Telefon:

- +603 6204 7788 (Tempatan dan Antarabangsa) atau
- 1 300 885 300 (Tempatan) atau 603 2295 6888 (Antarabangsa) (jika anda adalah ahli CIMB Preferred)

E-mel:

- contactus@cimb.com

Sebagai alternatif untuk maklumbalas dan/atau aduan, anda boleh memilih untuk menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank di: Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat Box 10338 Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan; No. Pusat Panggilan +603 6204 7788, e-mel: contactus@cimb.com.